



Hubungan terlarang

Soalan:

SAYA seorang remaja lelaki. Saya pernah melakukan hubungan seks dengan abang sendiri. Aktiviti itu berlaku sejak usia 10 tahun.

Perbuatan meliwat itu dilakukan apabila ada masa lapang.

Adakah perbuatan itu mendatangkan kesan buruk kepada saya?

Apa yang saya perlu buat untuk menghilangkan perbuatan itu yang kadangkala menghantui pemikiran saya? Apa akan terjadi jika saya

kerap mengeluarkan air mani dengan sengaja?

Jawapan:

NAFSU amarah dan kebimbangan abang adik menandakan adik mangsa serakah perbuatan liwat yang dikeji agama itu.

Aristotle pernah mengatakan: "Dalam masyarakat manusia ada binatang jalang, tetapi dalam masyarakat binatang tidak ada satu pun manusia jalang."

Dr berdoa abang adik akan bertaubat dan tidak lagi melakukan perkara yang

terkutuk.

Perbuatan liwat ini boleh memberi kesan psikologi kepada diri adik. Berjumpa doktor perubatan untuk mengetahui kesan perbuatan adik yang kerap mengeluarkan air mani dengan sengaja dan tindakan abang adik meliwat adik.

Dari sudut psikologi, Dr melihat ia memang memberi kesan kepada emosi dan psikologi seperti mana adik katakan (menghantui pemikiran).

Apa yang berlaku adalah disebabkan nafsu kesyaitan

nan abang adik. Adik bukan pelaku, tetapi mangsa kepada tingkah laku liwat ini.

Walaupun bukannya mudah, tetapi cuba jauhilah pemikiran negatif itu. Fikiran negatif hanya memberi tekanan emosi kepada adik.

Isi masa kosong dengan aktiviti berfaedah seperti bersukan (contohnya bola sepak, futsal) untuk mengurangkan berfikir perkara berkenaan.

Cari kawan yang boleh adik berkongsi masalah. Luahkan masalah jika ia boleh melegakan perasaan. Cari kawan yang boleh dipercayai dan

simpan rahsia.

Jika abang masih melakukan perkara itu kepada adik, ia mesti dihentikan kerana ia perbuatan terkuat.

Adik perlu bersifat asertif untuk meminta abang adik memberhentikan perbuatan terlarang itu atau laporkan kepada polis.

Adik juga boleh belajar melupakan kejadian itu.

Selalunya lupa boleh berlaku disebabkan oleh peredaran masa.

Satu lagi cara ialah adik boleh menekan memori pedih dan menyakitkan itu daripada

muncul ke paras kesedaran adik.

Adik boleh belajar mengawal nafsu (bagi menanganai mengeluarkan air mani dengan sengaja) dengan berpuasa.

Selain solat wajib, banyakkkan solat sunat memohon keberkatan.

Berdoa kepada Tuhan agar kehidupan adik menjadi tenang.

Apa yang berlaku ialah dugaan Allah untuk memberi peluang kepada adik meningkatkan iman dan keyakinan kepada-Nya.

Pelajar tertekan pisah keluarga

Soalan:

SAYA adalah pelajar tingkatan satu di sebuah sekolah berasrama penuh.

Saya bersyukur dan bertuah kerana dipilih meneruskan pelajaran di sini.

Selepas masuk bulan ketiga (Mac lalu), emosi saya menjadi tidak stabil dan kerap menyendiri dan selalu teringat rumah.

Saya menjadi terlalu rindu, sunyi, sayu, sedih dan kadangkala menangis.

Mungkin ini merupakan kejutan budaya belajar di sini, tetapi saya sangat sayangkan sekolah ini dan rakan-rakan.

Keluarga sering memberi perangsang dan sanggup berulang-alik menjengok

saya setiap hujung minggu, tetapi keadaan saya masih tidak berubah dan amat sukar berpisah bila bertemu.

Apa patut saya lakukan agar memudahkan saya menerima hakikat belajar di asrama berbeza berbanding belajar di rumah.

Saya selesa di asrama, tetapi pada masa sama, saya rindukan suasana di rumah.

Harap Dr dapat membantu memberi panduan atau kursus yang boleh diikuti sempena cuti penggal akan datang.

Apa patut saya lakukan ketika dua minggu sekolah nanti dan saya amat takut jika tidak tidak bersedia berpisah dengan keluarga kelak apabila bercuti panjang.

Jawapan:

ADIK nampaknya seorang pelajar yang sudah tahu betapa pentingnya pelajaran dalam kehidupan adik.

Adik juga mempunyai ibu bapa yang menyayangi adik di mana setiap minggu akan menjenguk adik.

Pengorbanan perlu dilakukan dalam usaha meniti kejayaan.

Sebab itu adik tinggal di asrama agar proses pembelajaran berlaku dengan baik.

Perpisahan secara fizikal dan emosi dengan keluarga yang disayangi memang bukan sesuatu yang mudah.

Adik pula masih berusia 13 tahun.

Perkara ini selalu berlaku kepada pelajar yang mema-

suki asrama yang terpaksa berpisah dengan keluarga mereka.

Apatah lagi, jika hubungan yang terjalin antara adik dengan ibu bapa sebelum adik ke asrama adalah rapat.

Perapatan ini menyebabkan perpisahan emosi dan fizikal (ketika adik di asrama) menekan emosi adik.

Penting bagi ibu bapa memastikan bahawa perapatan yang dibina dengan adik tidak dipisahkan dengan serta-merta.

Jalinan emosi masih tetapi wujud, cuma dipisahkan dengan jarak tempat.

Bagaimanapun, adik masih boleh berjumpa dengan keluarga adik di hujung minggu apabila mereka melawat

adik dan boleh menelefon mereka bila adik merasa rindu.

Selalunya di peringkat awal perpisahan adalah waktu yang sukar.

Sebelum ini adik banyak bergantung kepada ibu bapa dalam urusan kehidupan seharian adik seperti melakukan kerja rumah, kini adik kena belajar berdikari dan keadaan di asrama tentu berbeza dengan keadaan di rumah.

Perubahan berlaku dalam kehidupan adik sama ada dari segi keselesaan atau tanggungjawab yang perlu adik pikul.

Itu bukan sesuatu yang mudah untuk dilakukan.

Perubahan ini jika berjaya

dilalui membolehkan adik menjadi lebih matang dan belajar menjadi individu yang berdaya tahan.

Jika adik dapat melalui saat-saat sukar ini dengan baik, adik dapat mengawal emosi yang stabil.

Jika emosi stabil, tentu adik boleh tumpukan perhatian kepada pelajaran.

Untuk mengurangkan rasa rindu kepada keluarga, adik perlu sesuaikan diri dengan rakan di asrama melalui bekerjasama dan mudah akrab dengan mereka.

Aktif menyertai kokurikulum boleh membantu mengalih perasaan kesunyian itu.

Adik juga boleh berjumpa dengan guru kaunselor jika masih tertekan.

Keliru antara kekasih, pelajaran

Soalan:

SAYA remaja perempuan berusia 21 tahun dan baru terima tawaran menyambung pelajaran dalam bidang ijazah elektronik.

Masalahnya, saya mempunyai teman lelaki yang sebaya dengan saya.

Dia tidak mahu saya menyambung pelajaran kerana cemburu saya akan berkawan atau bercinta dengan orang lain. Dia boleh dikatakan warak.

Dia ada memberitahu, jika mahu mencari akhirat, kahwin dengan dia tahun depan. Jika

mahu kekayaan atau kejar harta dunia, lupakan dia selamalamanya.

Masalahnya, saya tidak tahu hendak buat keputusan antara sambung belajar atau kahwin dengan dia.

Saya masih muda untuk menerima semua ini, tetapi kita tidak tahu bila akan menyahut seruan Allah.

Saya memang kurang mendapat didikan agama dan jarang solat. Saya sudah hilang dara dengan teman lelaki sebelum ini. Dia boleh terima saya seadanya dan ingin membentuk ahlak saya.

Niat dia terlalu murni, masalahnya, keluarga saya tidak menyukainya pula dan saya tersepit antara lupakan lelaki baik itu atau meneruskan pelajaran.

Saya takut berterus-terang dengan keluarga saya mengenai perkara itu kerana keluarga saya hanya pentingkan harta dunia semata-mata.

Jawapan:

SITUASI adik boleh dibaratakan seperti bidalan 'ditelah mati emak, ditelan mati bapa.'

Adik tersepit antara keka-

sih, pelajaran dan keluarga.

Adik bertuah bertemu lelaki yang baik, warak, mencintai dan menerima adik seadanya.

Bagaimanapun, mengapa kekasih adik meletakkan syarat kepada adik dalam perhubungan percintaan ini.

Jika lelaki itu cintakan adik, dia perlu berkorban dan membantu orang yang disayangi dalam melakukan kebaikan termasuk melanjutkan pelajaran.

Menuntut ilmu sangat dituntut. Islam adalah agama yang mementingkan kehidupan dunia dan akhirat.

"Tuntutlah ilmu, tapi tidak melupakan ibadah, dan

kerjakanlah ibadah tetapi tidak boleh melupakan ilmu." (Hasan Basri)

Menuntut ilmu dalam bidang yang adik ikuti (ijazah elektronik) bukanlah bererti mengejar harta dunia semata-mata. Ia suatu ibadah.

Ada hadis yang mengatakan menuntut ilmu itu adalah suatu kewajipan bagi Muslim lelaki dan perempuan.

Mengenai diri adik yang kurang didikan agama Dr dapat rasakan adik inginkan perubahan untuk menjadi wanita yang taat kepada suruhan agama.

Perubahan adik perlu ikhlas bukanlah semata-mata

kerana kekasih. Bagaimanapun, jika kekasih adik ikhlas dalam percintaan, dia akan membimbing adik menjadi wanita solehah.

Mengenai keluarga adik, tentu mereka inginkan yang terbaik untuk anak mereka.

Jika boleh buktikan adik berjaya dalam pelajaran, tentunya jalan memujuk keluarga adik untuk menerima kekasih adik akan menjadi lebih mudah.

Doakan juga agar keluarga adik terbuka hati dan jangan terlalu mementingkan harta dunia.

Mengenai niat berkahwin dengan kekasih adik, jodoh maut ditentukan Tuhan.